



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO

USAHAWAN

Edisi 31 (Jan - Jun 2024)

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

ISSN 1823-6421



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED
UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Perancangan Kewangan dan Etika Usahawan Muslim

Noor Malinjasari Binti Ali,¹ Roseziahazni Abd Ghani¹, A'tiqah Rashidah Abu Samah¹, Nur Muslimah Kamilah Abdullah¹, Yau'mee Hayati Mohd Yusoff¹, Rahayu Izwani Borhanddin², Roszainora Setia³, Kardina Kamaruddin⁴, Hasmi Mokhlas⁵, Afif Zuhri Mohamad Khodri Harahap¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

²Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Malaysia

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia

⁴Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

⁵Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia

emel koresponden: hasmi@uitm.edu.my.

Sebagai usahawan Muslim yang pentingkan kejayaan, salah satu aspek adalah etika yang dipegang dalam perancangan kewangan terutama untuk urusan organisasi. Perancangan kewangan adalah penting untuk kesejahteraan individu dan keluarga dalam meneruskan kehidupan seharian kerana setiap keputusan kewangan boleh memberi kesan kepada kehidupan dan keluarga. Seorang Muslim adalah digalakkan untuk merancang kehidupannya daripada aspek ekonomi dan kewangan terutama untuk mencapai objektif Syariah. Niat untuk melaksanakan perancangan kewangan mestilah selari dengan kehendak Syariah yang menekankan kepada perlindungan keperluan asas oleh Muslim yang meliputi urusan harta. Persatuan Perancangan Kewangan di Malaysia dan Bank Islam dan Kewangan Malaysia pada tahun 2009 telah menyatakan bahawa asas kepada perancangan kewangan Islam adalah syariah yang bertindak sebagai panduan lengkap kepada Muslim untuk mengharungi kehidupan di dunia ini dan di akhirat kelak. Syariah adalah sebagai panduan dalam mewujudkan strategi ke arah pencapaian matlamat.

Syariah adalah dipenuhi dengan tujuan moral dan pengajaran berkaitan kebenaran bukan hanya sekadar peraturan. Syariah memberi makna kepada setiap Muslim termasuk usahawan akan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan atau jalan kebenaran yang perlu dilalui dengan menjadikan Tauhid sebagai asas utama. Syariah adalah undang-undang Islam yang mengandungi arahan, larangan, galakan dan prinsip yang telah diberi oleh Tuhan melalui al-Quran dan al-Hadith. Empat sumber utama syariah adalah al-Quran dan al-Hadith, ijma ulama (keputusan syura ulama) dan qiyas. Bermula pada 5 Januari 2004 semua perancang kewangan di Malaysia adalah diwajibkan mendapatkan lesen daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh *Certified Financial Planner* (CFP). Pengamal CFP

memsti mengambil langkah tambahan dalam mendemonstrasikan profesionalisme mereka dengan sukarelah menghantar permohonan kepada CFP sungguhpun proses persijilan adalah rumit.

Tambahan kepada kepentingan keperluan pendidikan dan pengalaman, mereka perlu lulus peperiksaan akhir yang menyeluruh dan menguji prancangan kewangan peribadi mereka, pengetahuan dan kemahiran, sentiasa mengemaskini kebolehan mereka dan patuh kepada Lembaga CFP kod Etika dan Tanggungjawab Profesional CFP (Kod Etika) dan Piawaian Amalan Perancangan Kewangan (Piawaian Amalan) (FPAM 2009). Di Malaysia, melalui kod etika, pengamal industri CFP bersetuju untuk bertindak dengan adil dan berdedikasi apabila menyediakan pelanggan dengan nasihat perkhidmatan perancangan kewangan dengan mengutamakan kepentingan pelanggan terlebih dahulu. Kod etika dalam CFP menyatakan bahawa pengamal idustri CFP akan bertindak dengan penuh integriti dan menawarkan perkhidmatan profesional yang bersifat objektif dan berdasarkan keperluan pelanggan.

Pengamal industry CFP perlu menyediakan pelanggan dengan maklumat mengenai sumber pampasan mereka dan kepentingan peribadi pelanggan dalam bentuk bertulis dan menyimpan maklumat peribadi pelanggan secara sulit. Memandangkan perancangan kewangan bukan sahaja diamalkan oleh institusi bahkan juga penasihat individu, Smith et al (2007) berdebat bahawa sedikit sahaja fokus yang diberi dalam aspek perundangan dan kepatuhan kepada etika. Ada perspesi awam yang menyatakan bahawa perancang kewangan adalah tidak beretika dan tidak berkebolehan dalam peranan profesional mereka dan banyak pelanggan berhadapan dengan penipuan dan skandal mereka (Bruining, 2004; Brown, 2003 dan Smith et al, 2007).

Integriti yang dirasakan oleh penasihat kewangan adalah bergantung kepada piawaian etika penasihat itu sendiri, dan walaupun niat baik diperlukan untuk tingkah laku beretika, ia tidak mencukupi menurut kata seorang pengarang. (Redhead 2010). Perancang kewangan Islam perlu mempunyai nilai etika yang tinggi semasa menyediakan perancangan kewangan kepada orang ramai. kerana ia adalah wajib ke atas umat Islam. Perancang kewangan Islam khususnya, perlu untuk memahami sepenuhnya perancangan kewangan Islam dan amalannya. Perancang kewangan Islam perlu memahami kepentingan perancangan kewangan, teori, konsep dan prinsip etika yang berkaitan menurut perspektif Islam.

Sebagai kesimpulan, usahawan atau ahli perniagaan Muslim perlu memahami dan mematuhi etika kerja Muslim supaya setiap perbuatan kita di dunia ini akan memperolehi barakah dan mampu membawa kita ke syurga. In shaa Allah.

Rujukan

- [1] Financial Planning Association of Malaysia & Islamic Banking and Finance Malaysia. 2009. Islamic Financial Planning: A Brief Introduction. Kuala Lumpur: Financial Planning Association of Malaysia (FPAM).
- [2] Brown, R. M. C. 2003. Salesmen can't be planners? Wealth. The Australian Newspaper, 11 June.
- [3] Bruining, N. 2004. Planners Found to Be Liable Over Tax Scheme Loss. Business News. The West Australian Newspaper, 19 July
- [4] Redhead, K. 2010. A Behavioral View of How People Make Financial Decisions. 4E Journal 10(4): 5-20
- [5] Smith, J., Amstrong, A. & Francis, R. 2007. Professionalism and ethics in financial planning. Journal of Business Systems, Governance and Ethics 2(1): 1-10

